

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN SYED SADDIQ BIN SYED ABDUL
RAHMAN (MUAR)**

TARIKH : 15 SEPTEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

TUAN SYED SADDIQ BIN SYED ABDUL RAHMAN [MUAR] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan keputusan Menteri Dalam Negeri yang tidak meluluskan permohonan rayuan pendaftaran Malaysian United Democratic Alliance (MUDA) sebagai sebuah parti politik yang sah berdaftar di bawah Akta Pertubuhan 1966 memandangkan MUDA telah memenuhi kriteria sebagai sebuah pertubuhan yang sah dan tiada alasan dikemukakan untuk menolak rayuan pendaftaran MUDA

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Mengikut rekod, permohonan MUDA untuk pendaftaran telah ditolak oleh Pendaftar Pertubuhan dibawah Seksyen 7 Akta Pertubuhan 1984 (Akta 335). Diatas rayuan pemohon, Menteri Dalam Negeri telah melaksanakan kuasa dan bidangkuasa beliau menurut Seksyen 18 Akta 335 menolak rayuan tersebut kerana didapati tidak memenuhi, melanggar dan/atau gagal mematuhi syarat, kriteria dan/atau peruntukkan yang telah ditetapkan dibawah Akta 335.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB PUAN TERESA KOK SUH SIM (SEPUTEH)

TARIKH : 15 SEPTEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah PATI telah ditangkap oleh Kementerian sejak pandemik COVID-19. Nyatakan bilangan PATI yang telah dihantar balik ke negara asal mereka dan kos penghantaran terlibat.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Dalam Negeri melalui Jabatan Imigresen Malaysia komited dalam memastikan keselamatan negara diutamakan dengan melaksanakan operasi penguatkuasaan secara berterusan serta tindakan pencegahan bagi mengelakkan berlakunya peningkatan jumlah pendatang asing tanpa izin (PATI) di negara ini.

Bermula 18 Mac 2020 hingga 24 Ogos 2021, Jabatan Imigresen Malaysia telah melaksanakan 5,110 operasi penguatkuasaan melibatkan tangkapan 14,847 orang PATI daripada pelbagai negara dan 246 majikan atas pelbagai kesalahan imigresen di bawah Akta Imigresen 1959/63 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963. Manakala, Bagi tempoh yang sama, jumlah penghantaran pulang tahanan yang berada di Depot Imigresen sehingga 26 Ogos 2021 adalah seramai 15,634 orang.

Proses penghantaran pulang tahanan ke negara asal yang dikendalikan oleh Jabatan Imigresen Malaysia merangkumi proses pengesahan warganegara dan penyediaan dokumen perjalanan serta dengan pihak Perwakilan Asing. Ini termasuklah urusan pembiayaan kewangan bagi menampung kos penghantaran pulang tahanan ke negara asal. Sekiranya Perwakilan Asing tidak dapat membiayai kos pengusiran, maka kos tersebut akan ditanggung oleh majikan atau tahanan itu sendiri. Sehingga bulan Julai 2021, kos pengangkutan adalah berjumlah RM248,237.10. Manakala, kos makan yang ditanggung oleh Kerajaan sehingga bulan Julai 2021 adalah berjumlah RM35,822,588.75.